

International Journal of Education,
Psychology and Counseling (IJEPC)
Journal Website: <http://ijepe.com/>
eISSN: 0128-164X



PEMFOSILAN DALAM BAHASA ANTARA GENERASI MUDA SUKU DUSUN TINDAL

FOSSILIZATION IN THE INTERLANGUAGE OF DUSUN TINDAL TRIBE YOUNGER GENERATION

Daisy Paul^{1*}, Zuraini Seruji², Noor Aina Dani³

¹ Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: daisypaul5160@gmail.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia
Email: szuraini@unimas.my

³ Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: noorainadani@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.1.2020

Revised date: 10.3.2020

Accepted date: 13.03.2020

Published date: 15.03.2020

To cite this document:

Paul, D., Seruji, Z., & Dani, N. A.
(2020). Pemfossilan dalam Bahasa
Antara Generasi Muda Suku Dusun
Tindal. International Journal of
Education, Psychology and
Counseling, 5 (34), 212-233.

DOI: 10.35631/IJEPC.5340017.

Abstrak:

Kebanyakan generasi muda suku Dusun Tindal di Sabah gagal mencapai kecekapan seperti penutur asli bahasa Melayu disebabkan mekanisme pemfossilan yang terkait dengan prestasi. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk meneliti mekanisme pemfossilan dalam bahasa antara generasi muda suku Dusun Tindal. Kajian kes dijalankan di Sekolah Menengah Tenghilan, Tuaran, Sabah yang melibatkan sebanyak 69 pelajar. Selain pelajar, 12 orang guru bahasa ditemu bual untuk mendapatkan maklumat tentang strategi pembelajaran bahasa sasaran yang membolehkan pelajar melepasi bahasa antara. Dua orang informan dari komuniti suku Dusun Tindal telah memberikan pelengkap yang dicari-cari tentang etnologi suku Dusun Tindal di Sabah. Penemuan penting yang pertama ialah trend dalam domain bahasa ibunda yang sedia ada menunjukkan kesetaraan multibahasa. Kedua, kebanyakan skor penulisan karangan bahasa Melayu standard pelajar masih mengandungi unsur bahasa antara. Ketiga, faktor tertinggi sebab-musabab pemfossilan ialah kognitif. Pemetaan unsur-unsur leksikal dan sintaksis ke dalam domain bahasa sasaran mempengaruhi pemikiran pelajar. Hal ini jelas kerana ayat bentuk terlebih generalisasi dalam bahasa antara pelajar menggambarkan penara sementara dan mereka paling kerap menggunakan strategi pengabaian mesej. Kelima, kontinum bahasa antara berasaskan pengetahuan bahasa ibunda dan bahasa Melayu standard pelajar kebanyakannya pada tahap akrolek, iaitu satu tahap lebih rendah daripada kompetensi bahasa penutur asli. Guru-guru bahasa menyarankan beberapa

strategi bagi meleraikan pemfosilan dalam bahasa antara, terutamanya mengambil sikap yang betul terhadap kesilapan bahasa pelajar.

Kata Kunci:

Pemfosilan, Bahasa antara, Bahasa Melayu, Suku Dusun Tindal

Abstract:

The majority of Dusun Tindal tribe learners in Sabah failed to achieve competency as native Malay speakers due to the fossilization mechanism which is performance-related. Hence, this research aims to examine the fossilization mechanism in the interlanguage of the young generation from the Dusun Tindal tribe. The case study was conducted at Tenghilan Secondary School, Tuaran, Sabah which involved 69 students. Besides the students, 12 language teachers were interviewed to get detailed information on target language learning strategies that allowed students to cross the interlanguage. Two informants from the Dusun Tindal community have provided a missing link to the Dusun Tindal tribe in Sabah. The first important finding involved trends in existing native language domains within Dusun Tindal communities that show multilingual equivalence. Secondly, most essay writing scores in the Malay language itself was still having interlanguage. Thirdly, the highest factor of fossilization causation was cognitive. The mapping of lexical and syntax elements into the target language domain was affecting students' thoughts. It was obvious sentences accommodate the overgeneralization form in the student interlanguage depicts a temporary plateau and they most often use message omission strategy. Fifthly, the continuum of interlanguage was based on the knowledge of native and the Malay language of the students most at acrolect level, namely one level lower than the native speaker competency. Language teachers suggested a number of strategies to dissolve the fossilization in interlanguage, specifically taking the right attitude towards student language errors.

Keywords:

Fossilization, Interlanguage, Malay language, Dusun Tindal tribe

Pendahuluan

Nama suku Dusun Tindal dalam keluarga bahasa Dusun di Sabah tidak banyak diketahui umum. Malahan, Lewis (2009) alpa akan autonom Dusun Tindal dalam petanya tentang kawasan bahasa-bahasa etnik di Sabah. Tiada catatan yang sahih tentang suku Dusun Tindal. Penulis mengetahui bahawa suku ini berasal dari Kota Belud berdasarkan maklumat daripada dua informan. Kewujudan suku Dusun Tindal diselubungi identiti pelbagai suku kaum Dusun yang bertebaran di serata daerah dalam negeri Sabah. Oleh sebab itu, etnologi suku Dusun Tindal terpinggir daripada arus perdana. Dengan kata lain, perkembangan semasa yang sedang giat berlaku dari segi pembangunan kebudayaan dan kehidupan mereka kurang mendapat perhatian. Hakikatnya suku Dusun Tindal hanya satu daripada “12 subkelompok komuniti Dusun di Sabah” (Noor Aina et al. 2019: 2). Nampak tidak mustahil ada antara generasi muda suku keluarga bahasa Dusun lain di Sabah tidak terkecuali daripada fenomena bahasa antara. Penulis menemui faktor yang penting semasa menjalankan satu kajian kes terhadap 69 generasi muda suku Dusun Tindal di Tenghilan, Tuaran, Sabah. Mereka berumur 15 tahun dan beragama Kristian. Keputusan soal selidik yang diadaptasi daripada Brenzinger (2003) mendapati trend dalam domain bahasa ibunda yang sedia ada menunjukkan kesetaraan

multibahasa dengan frekuensi 36 atau 52.2%. Pada awalnya, penulis beranggapan kesetaraan multibahasa dalam kalangan remaja terkait dengan bahasa dalam kitab-kitab Injil yang menggunakan bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris. Namun informan menghubungkan multibahasa dengan faktor sosiolinguistik. Penemuan kesetaraan bahasa dalam kalangan generasi muda suku Dusun Tindal sejajar dengan hasil kajian Chong Shin et al. (2018) terhadap suku Penan asli yang masih berbahasa Penan tetapi fasih berbahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak.

Definisi Pemfosilan Bahasa

Pemfosilan bahasa merujuk kepada proses pembelajaran bahasa sasaran atau bahasa kedua. Semakin lama semakin sukar untuk pelajar memajukan kecekapan bahasanya, sehingga sampai pada satu titik, pelajar tidak mampu menyerap bahasa sasaran atau bahasa kedua. Dalam fikiran pelajar, bahasa untuk semua maksud dan tujuan telah membatu. Seseengah potensi untuk mempelajari aspek bahasa yang mudah mungkin masih wujud, misalnya perbendaharaan kata, tetapi pemahaman konsep tentang bahan tidak akan berkembang lebih jauh. Oleh itu, pemfosilan ialah satu jenis genangan dalam penguasaan bahasa kedua yang sukar diatasi (Andrea 2018: 5).

Pemfosilan sering terjadi apabila aspek tertentu bahasa dipelajari dengan tidak sempurna atau tidak tepat, seperti ciri tatabahasa, kata kerja penghubung atau perbendaharaan kata yang salah. Pemfosilan juga terjadi di luar kesedaran pelajar yang sering menggunakan fonologi dan sintaksis bahasa ibunda. Ini mencerminkan ketidakupayaan pelajar untuk menepis elemen bahasa ibunda untuk tujuan pembelajaran bahasa yang lain. Bahasa ibunda telah bertakhta dalam otak dan paradigmanya gagal digantikan apabila pelajar cuba mempelajari bahasa baharu.

Definisi Bahasa Antara

Bahasa antara ialah sistem terpisah antara bahasa pertama dengan bahasa sasaran berdasarkan output yang dapat diamati, yang dihasilkan dari upaya pelajar untuk menghasilkan norma-norma bahasa pertama dan bahasa sasaran. Selinker (1972: 215) merupakan pengkaji pertama yang menggunakan istilah ini. Menurutnya, penutur bahasa ibunda bukannya tiba-tiba menjadi penutur bahasa sasaran. Ini merupakan proses yang berkesinambungan, membuat dan menguji andaian bahasa pertama-bahasa sasaran dalam keadaan fikiran yang bingung antara pengetahuan bahasa yang sedia ada dengan bahasa struktur baharu.

Definisi Pelajar Suku Dusun Tindal

Pelajar suku Dusun Tindal dalam kajian ini bermastautin di Tenghilan, Tuaran, Sabah. Mereka menuntut dalam tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Tenghilan, Tuaran, Sabah. Kumpulan remaja ini bertutur menggunakan bahasa ibunda, dialek Melayu Sabah dan bahasa Inggeris. Terdapat juga remaja yang menggunakan bahasa campuran kerana ibu bapa mereka kahwin campur dengan etnik lain di Sabah.

Sorotan Literatur

Kajian Al-Musawi (2014) meneroka penggunaan strategi penterjemahan dalam pembelajaran bahasa kedua sekumpulan 360 pelajar sarjana muda jurusan bahasa Inggeris di Bahrain. Inventori versi bahasa Arab untuk penterjemahan sebagai strategi pembelajaran diaplikasikan kepada pelajar. Didapati bahawa pelajar sering menggunakan penterjemahan untuk memudahkan pembelajaran bahasa dan untuk memperoleh bahasa baharu. Kebanyakan pendidik bersetuju bahawa penterjemahan ialah alat yang berkesan bagi membantu pelajar

lebih memahami kata-kata dan ekspresi asing dan menzahirkan idea dalam bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, sesetengah pendidik berhujah menentang penggunaan bahasa ibunda di dalam kelas kerana dianggap sebagai penghalang bagi pembelajaran bahasa yang berkesan.

Kajian sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu oleh Zaliza dan Zaitul Azma (2014) adalah bertujuan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi 16 pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu di Universiti Teknologi Malaysia. Hasil kajian menunjukkan 57% motivasi mempelajari bahasa Melayu dalam kalangan pelajar adalah untuk tujuan berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Faktor yang memotivasikan pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu adalah peranan yang dimainkan oleh tenaga pengajar. Data menunjukkan 43% pelajar berminat untuk belajar bahasa Melayu disebabkan oleh guru yang mengajar. Teknik penyampaian dan strategi yang digunakan oleh tenaga pengajar mampu menarik minat mereka untuk terus mengikuti pembelajaran bahasa Melayu.

Kajian Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2016) bertujuan untuk mengkaji strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Pengajian Asia Tenggara, Goethe Frankfurt Universiti di Jerman. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pelajar menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa di bilik darjah berbanding di luar kelas dan semasa peperiksaan. Strategi rayuan kerjasama mendapat respons sebanyak 84% daripada pelajar berdasarkan item 'jika saya tidak memahami penjelasan guru, saya meminta rakan saya untuk menerangkan kepada saya'. Sementara itu, strategi bertanya dengan guru untuk mendapatkan penjelasan hanya mendapat 72.7% respons. Strategi rayuan kerjasama menarik perhatian penyelidik kerana sering melibatkan sikap dan motivasi pelajar mempelajari bahasa kedua.

Saraswathy et al. (2017) telah meninjau sikap murid-murid yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan 87 murid yang telah menduduki UPSR pada tahun 2013. Hasil kajian menunjukkan aspek nilai menentukan motivasi dan sesuatu tindakan murid. Hal ini kerana murid menghubungkan pembelajaran bahasa Melayu dengan matlamat pencapaian keputusan cemerlang 7A. Orientasi pembelajaran mereka adalah berasaskan ekstrinsik, iaitu untuk mendapatkan ganjaran. Secara tidak langsung murid membataskan pembelajaran bahasa kedua hanya untuk mendapat gred A sahaja, bukannya untuk mempelajari ilmu bahasa kedua.

Fatin Rabiha dan Zaitul Azma (2017) telah melaksanakan kajian tentang bahasa antara dalam kalangan 11 penutur Melayu dan 9 penutur bukan Melayu di Universiti Putra Malaysia. Dalam kajian ini, mereka telah mengenal pasti strategi pemindahan bahasa melalui ujaran bentuk terjemahan literal. Strategi pemindahan bahasa menggambarkan bentuk bahasa antara yang mengandungi bahasa ibunda atau bahasa komunikasi asas pelajar bukan Melayu di Malaysia. Pelajar bukan Melayu yang mempunyai kecekapan bahasa kedua yang tinggi sekalipun tidak terkecuali daripada membuat kesilapan bahasa yang sekali gus menyerlahkan sistem bahasa antara. Hal ini tidak dapat dinafikan memandangkan proses bahasa antara ialah proses ke arah kecekapan dalam berbahasa Melayu. Dalam konteks ini, pemindahan bahasa mempunyai pertalian dengan terjemahan secara literal. Terjemahan literal kerap berlaku apabila penutur memindahkan bahasa pertama seperti nahu dan makna yang tidak tepat dalam bahasa kedua. Beberapa elemen bahasa antara seperti imbuhan kata nama juga didapati dalam pemfosilan bentuk terlebih generalisasi.

Pernyataan Masalah

Dalam kes generasi muda suku Dusun Tindal di Sabah, meskipun mereka setara multibahasa, tiada seorang pun yang mencapai tahap cemerlang dalam ujian penulisan karangan bahasa Melayu. Keputusan kajian rintis menunjukkan penggunaan kosa kata dan ayat mereka masih dalam kontinum bahasa antara, iaitu berada di antara bahasa sasaran (bahasa Melayu) dan bahasa ibunda (bahasa Dusun Tindal). Bahasa antara terbit daripada pengetahuan kedua-dua bahasa tersebut dan memfossil sekiranya kosa kata, frasa dan ayat yang ditulis tidak sesuai dengan wacana penulisan dalam bahasa sasaran (bahasa Melayu standard). Bahasa antara mengusulkan teori bahawa terdapat “struktur psikologi terpendam dalam otak” yang diaktifkan ketika seseorang melaksanakan tugas dalam bahasa sasaran” (Selinker 1972: 33). Sebagai struktur berasaskan prestasi, fenomena linguistik yang boleh memfossil ialah “item-item linguistik, peraturan, dan sub-sistem tertentu” yang cenderung disimpan oleh penutur bahasa pertama dalam bahasa antara, tidak kira berapa umur atau jumlah pengajaran yang diterimanya dalam bahasa sasaran (Selinker 1972: 215). Pemahaman awal ini mengungkapkan beberapa sifat bahasa antara. Pertama, struktur yang dapat memfossil tetap tegar; kedua, struktur fosil yang tegar pada pengaruh luaran; ketiga, pemfosilan mempengaruhi anak dan orang dewasa yang belajar bahasa sasaran; dan keempat, struktur balik asal (*backsliding*) boleh memfossil.

Saat bila bahasa sasaran mula memfossil sukar ditentukan kerana berbeza-beza antara individu dan persekitaran tempat bahasa sasaran dipelajari. Pemfosilan sering berlaku dalam persekitaran yang tidak cukup untuk menampung pembelajaran bahasa sasaran. Banyak aspek bahasa tidak dapat diajarkan di dalam bilik darjah, bahkan pemfosilan masih terjadi dalam persekitaran bahasa sasaran walaupun pelajar hidup dalam persekitaran itu selama beberapa dekad, misalnya, kaum pendatang (Andrea 2018).

Dalam kes pelajar suku Dusun Tindal, pelajar menggunakan peraturan tatabahasa tanpa had penyesuaian. Pelajar tidak tahu had peraturan, termasuk had semantik sesuatu lexis atau item linguistik lain. Contoh terlebih generalisasi yang berikut dipetik daripada Noor Aina dan Patarai (2010: 55).

Ayat 1: Saya baca buku cerita itu *supaya saya pandai sebab itulah saya baca buku*.
(Saya membaca buku cerita itu untuk menambah ilmu pengetahuan)

Tanpa pengajaran dan pembetulan kesilapan seperti Ayat 1, iaitu pemfosilan bentuk terlebih generalisasi ayat kekal berterusan. Masalah sikap yang sering dihadapi oleh masyarakat suku Dusun Tindal di Tenghilan, Tuaran, Sabah ialah penutur dalam kalangan generasi muda menggunakan bahasa yang berbeza daripada bahasa asli yang dituturkan oleh generasi tua. Hal ini menghasilkan perubahan yang sangat cepat menuju kepada bahasa yang terancam punah. Jika percakapan penutur generasi muda dianggap oleh penutur generasi tua sebagai tidak memadai kerana sikap mereka yang mementingkan kesempurnaan bahasa, maka penutur golongan muda mungkin berputus asa untuk terus bertutur dalam bahasa ibunda.

Menurut Tay & Wong (2016: 62), perubahan kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu tanpa mengambil kira latar belakang dan perbezaan bahasa ibunda pelajar adalah seperti membuat baju tanpa mengukur empunya badan. Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu lebih berkesan jika bahan-bahan pengajaran diusul periksa betul-betul mengikut kesesuaian pelajar. Pelajar bukan penutur natif bahasa Melayu mempelajari bahasa kedua dengan cara dan situasi berbeza daripada yang dikuasai secara pemerolehan bahasa pertama. Hal ini kerana pembelajaran bahasa pertama ialah proses menguasai struktur batin bahasa. Pembelajaran

bahasa kedua pula cenderung kepada proses menguasai struktur lahiriah bahasa. Strategi pembelajaran bahasa kedua bererti usaha membawa bahasa pertama dan kedua ke dalam keadaan yang terdekat, maka gangguan akan terjadi. Oleh itu, terdapat kekangan yang dihadapi dalam mempelajari bahasa kedua berikutan struktur bahasa Melayu berbeza dengan bahasa ibunda.

Menurut Aras (2017: 34), sewaktu proses pemfosilan dalam bahasa antara, beberapa isu muncul akibat pemindahan bahasa pertama ke dalam bahasa sasaran. Pemindahan negatif mengakibatkan pelbagai kesilapan kerana salah tanggapan oleh pelajar semasa cuba menggunakan bahasa sasaran. Salah satu faktor yang dikaitkan dengan pemfosilan ialah linguistik silang budaya. Hal ini memberi kesan kepada pelajar suku Dusun Tindal semasa menggunakan bahasa mereka sendiri untuk dimasukkan ke dalam bahasa Melayu. Sewaktu menggunakan bahasa Melayu, kebanyakan pelajar suku Dusun Tindal tidak melihat perbezaan makna antara frasa 'cepat betul' dengan kata 'pantas'; kata 'berjalan' dengan kata 'berlalu'. Kesilapan penggunaan frasa dan kata tersebut dilakukan berulang kali melangkaui batas waktu. Ayat 1 yang berikut sering ditulis atau dituturkan oleh kebanyakan pelajar suku Dusun Tindal.

Ayat 1: Cepat betul masa berjalan (Masa berlalu dengan pantas)

Ayat 2: Kau buanglah perangai buruk itu (Awak buanglah perangai buruk itu)

Dua kesilapan dapat dikesan dalam Ayat 1, iaitu penggunaan kata /berjalan/ dan frasa /cepat betul/ merupakan pemfosilan bentuk terlebih generalisasi, iaitu salah satu bentuk bahasa antara. Ayat 1 mengandungi struktur ayat bahasa Dusun Tindal dengan pendepanan kata kerja sebelum kata keterangan. Kata /kau/ dalam Ayat 2 lumrah dalam pertuturan orang Sabah. Kata yang lebih sesuai ialah /awak/. Pembetulan kesilapan kosa kata mengambil masa dan sukar dibetulkan selagi tiada kesedaran di pihak pelajar atau jika markah tugasan/ujian pelajar tidak terjejas dengan teruk.

Persoalan Kajian

Dalam membicarakan tajuk seperti ini, penulis harus menjawab beberapa soalan. Pertama, apakah bentuk pemfosilan dalam bahasa antara yang berkaitan penulisan karangan bahasa Melayu generasi muda suku Dusun Tindal? Kedua, gambaran apakah yang terbentuk dalam kontinum bahasa antara generasi muda suku Dusun Tindal? Dalam menjawab persoalan pertama, ruang lingkup perbincangan ialah bentuk pemfosilan mengikut teori bahasa antara (Selinker 1974), penggunaan taksonomi strategi komunikasi bahasa kedua (Tarone 1983), dan Taksonomi Faktor Penyebab Pemfosilan (Han 2003). Dalam menjawab persoalan kedua, penulis menggambarkan kontinum bahasa antara berasaskan panduan Selinker (1974) dan penara pembelajaran bahasa sasaran (Selinker 1996).

Metodologi

Kajian ini dijalankan di Tenghilan, Tuaran, Sabah. Lokasi kajian terletak lebih kurang 40 kilometer dari Bandar raya Kota Kinabalu. Daerah Tenghilan hanya mempunyai dua buah sekolah menengah, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tenghilan dan Sekolah Menengah St. James. Walau bagaimanapun, Sekolah Menengah St. James hanya terdiri daripada pelajar menengah rendah dari tingkatan satu sehingga tingkatan tiga. Oleh itu, penyelidik menjalankan kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Tenghilan kerana majoriti pelajar tingkatan empat di sekolah tersebut terdiri daripada suku Dusun Tindal. Penyelidik menggunakan pensampelan bertujuan. Menurut Foley (2018), pensampelan bertujuan ialah satu bentuk pensampelan bukan kebarangkalian. Jumlah sampel kajian adalah sebanyak 69 orang merangkumi 80% pelajar

suku Dusun Tindal di tingkatan empat. Sampel ini dipilih berdasarkan kecekapan bahasa Melayu yang tidak mencapai tahap cemerlang.

Kerangka Teori

Dalam kertas kerjanya, Selinker (1972) memilih untuk tidak mengendahkan peratus kecil pelajar bahasa kedua (atau B2) yang mampu mencapai tahap kecekapan seperti penutur asli bahasa sasaran. Sebaliknya, Selinker memberi tumpuan kepada 95% pelajar B2 yang belum mencapai kecekapan B2 walaupun telah mendapat cukup pendedahan, pengajaran dan pembelajaran B2. Selinker (1974: 35) mengatakan bahawa “kata-kata B2 daripada pelajar B2 berbeza daripada kata-kata penutur asli walaupun maksudnya sama.” Secara hipotesis, wujud output sistem linguistik melalui percubaan pelajar B2 untuk menghasilkan norma bahasa sasaran. Sistem linguistik ini disebut '*interlanguage*'. Seterusnya, Selinker (1974: 37) berpendapat bahawa “fenomena yang paling dominan dalam bahasa antara ialah item, peraturan, dan sub-sistem yang boleh memfosil dalam mana-mana proses pembelajaran B2.” Dengan erti kata lain, dalam bahasa antara (atau BA), setiap satu proses boleh menghasilkan item-item bahasa yang memfosil. Pemfosilan muncul sebagai kesilapan dalam bahasa kedua. Pemfosilan sementara, yang juga dikenali sebagai penstabilan, menunjukkan bahasa antara membentuk pembelajaran yang mendatar (Selinker 1996: 127). Sementara itu, Sims (1989: 128) menghubungkan fosilisasi sementara dengan perkembangan ciri bahasa sasaran yang tersekat/terbantut bagi jangka masa yang pendek. Ciri ini menjadi salah satu topik yang hangat dalam kajian semasa tentang bahasa antara. Pemfosilan kekal pula berlaku akibat pemboleh ubah sosial, psikologi dan interaktif. Menurut Selinker (1996), gabungan enam proses yang berikut menghasilkan bahasa antara yang memfosil penuh.

1. Pemindahan Bahasa (*Language Transfer*)
2. Pemindahan Latihan (*Transfer of Training*)
3. Strategi Pembelajaran dan Komunikasi (*Strategies of Learning and Communication*)
4. Terlebih Generalisasi (*Overgeneralization*)
5. Pemudahan (*Simplification*)
6. Balik Asal (*Backsliding*)

Pemfosilan merupakan keadaan yang tidak dapat dielakkan dan mempengaruhi pemerolehan B2. Masalah pemfosilan dalam bahasa antara memerlukan perhatian dan penyelesaian secara menyelidikan. Hanya dengan cara ini dapat meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu baku sebagai B2. Penyelidik memilih Taksonomi Faktor Penyebab Pemfosilan Bahasa Antara seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Taksonomi Faktor Penyebab Pemfosilan Bahasa Antara

LUARAN	Persekitaran	Con. tiada pengajaran, kurang input	
	Kognitif	Representasi pengetahuan	Con. pengaruh B1, kurang akses kepada Tatabahasa Universal (UG)
		Pemprosesan pengetahuan	Con. kurang memberi perhatian
		Psikologi	Con. penghindaran, pemudahan

DALAMAN	Neurobiologi	Con. umur, kurang berbakat
	Sosio-afektif	Con. Kurang kebudayaan

(Sumber: Han 2003: 104)

Pada umumnya, tiada kesepakatan mengenai punca sebenar pemfosilan dalam bahasa antara. Han (2003: 104) berpendapat faktor penyebab pemfosilan dalam bahasa antara jatuh dalam kategori persekitaran, kognitif, neurobiologi, dan sosio-afektif. Semua faktor penyebab tersebut termasuk sama ada faktor dalaman atau luaran.

Soal Selidik

Soal selidik digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini. Item soal selidik terdiri daripada tiga bahagian yang berikut:

Bahagian A: Transmisi Bahasa Antara Generasi. Bahagian ini mengandungi 6 item soalan.

Bahagian B: Trend Dalam Domain Bahasa Ibunda Sedia Ada. Bahagian ini mengandungi 5 item soalan.

Bahagian C: Taksonomi Faktor Penyebab Bahasa Antara. Bahagian ini mengandungi 6 item soalan.

Soalan Karangan Bahasa Melayu

Tiga soalan dikemukakan dan pelajar perlu menjawab satu soalan sahaja. Sebanyak 100 markah diperuntukkan untuk karangan tersebut. Pelajar perlu menjawab soalan ini dalam masa yang dicadangkan, iaitu satu jam setengah/ 90 minit. Panjang karangan pelajar hendaklah lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Anda berpeluang mengikut sahabat baik anda pulang ke kampungnya. Pelbagai pengalaman yang anda temui amat berbeza dengan kehidupan anda sebagai anak bandar. Ceritakan pengalaman anda selengkapnya.
2. Adik anda mengambil bahagian dalam acara lumba lari semasa sukan tahunan sekolahnya. Sebagai kakak, anda turut hadir untuk memberikan sokongan moral kepada adik anda itu. Gambarkan peristiwa tersebut selengkapnya.
3. Anda berkesempatan bertandang ke sebuah negeri bersejarah baru-baru ini bersama-sama keluarga. Gambarkan kunjungan anda itu.

Soalan Temu Bual Berstruktur

Soalan-soalan Pimpinan (*Leading Questions*) berkaitan strategi pembelajaran bahasa kedua/bahasa sasaran yang 'baik' untuk meleraikan bentuk bahasa antara pelajar suku Dusun Tindal. Soalan temu bual berstruktur terdiri daripada beberapa pernyataan strategi pembelajaran bahasa kedua yang dianggap baik dan dapat melepasi bahasa antara. Temu bual bersemuka adalah antara penyelidik dengan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Tenghilan, Tuaran, Sabah.

Dapatan Kajian

Bentuk Pemfosilan dalam Bahasa Antara dan Strategi Komunikasi

Pemfosilan dalam bahasa antara (BA) generasi muda suku Dusun Tindal (sDT) dapat dikesan dengan meneliti penulisan karangan bahasa Melayu (BM). Dalam konteks penyelidikan ini, BM ialah bahasa sasaran, juga dirujuk sebagai B2. Keputusan penyelidikan ini tidak menemui bentuk pemindahan bahasa Dusun Tindal secara literal sama ada leksikal, frasa atau ayat dalam

penulisan karangan BM. Sebaliknya, terdapat ayat BM yang menyerupai susunan ayat bahasa Dusun Tindal. Antaranya:

1. Setibanya kami di Sabah pada pukul 9.00 pagi.
Nokorikot nopo di yahe hilo Sabah di jam 9.00 kosuabon.

Susunan ayat BM yang betul ialah “Kami telah pun tiba di Sabah pada pukul 9.00 pagi.”

2. Pelbagai pengalaman yang telah saya tempuhi semasa di sana.
Ogumu pangalaman naanuku sinalaid ku do hilo

Susunan ayat BM yang betul ialah “Saya mendapat banyak pengalaman sepanjang berada di sana.”

Pemindahan latihan berlaku kerana generasi muda suku Dusun Tindal (sDT) menggantikan pola frasa nama BM dengan frasa kerja (FK), kata keterangan (Kket.) atau frasa adjektif (FA) bahasa ibunda seperti berikut:

1. Tidurku amat lena sekali.
 (FK)

Susunan ayat BM yang betul ialah “Saya tidur dengan lena sekali.”

2. Dekat dengan Gunung Kinabalu kampung kawan saya.
 (Kket.)

Susunan ayat BM yang betul ialah “Kampung kawan saya berhampiran dengan Gunung Kinabalu.”

Penyelidik menerapkan Taksonomi Strategi Komunikasi (Tarone: 1983) merangkum pengabaian mesej, rayuan kerjasama, parafrasa, penukaran kod, pengelakan topik, terlebih generalisasi, penghampiran, dan pembentukan perkataan baharu. Generasi muda sDT paling kerap menggunakan pengabaian mesej pada kadar 34% seperti pada Jadual 2.

Jadual 2: Strategi Komunikasi Generasi Muda sDT

Strategi Komunikasi	Frekuensi	%
1. Pengabaian mesej	49	34
2. Rayuan kerjasama	24	17
3. Parafrasa	20	14
4. Penukaran kod	17	12
5. Pengelakan topik	12	8
6. Terlebih Generalisasi	9	6
7. Penghampiran	7	5
8. Pembentukan perkataan baharu	6	4
Jumlah	144	100

Menurut Tarone (1983), strategi pengabaian mesej digunakan oleh pelajar B2 yang kurang mengetahui struktur B2 yang betul. Nada suara pelajar kelihatan tersekat-sekat atau pertuturannya tidak lancar. Sebutan kosa kata B2 tidak begitu jelas dan kurang meyakinkan pendengar. Walaupun begitu, sikap pelajar yang proaktif mendorong mereka meneruskan pertuturan sehingga berjaya menyampaikan mesej walaupun terdapat pengurangan kosa kata B2.

Strategi kedua kerap ialah rayuan kerjasama sebanyak 17%. Penggunaan strategi rayuan kerjasama menyokong hasil kajian Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2016). Mereka mengkaji strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar Pengajian Asia Tenggara,

Univeristi Goethe di Frankfurt, Jerman. Sebanyak 84% pelajar yang tidak memahami penjelasan guru meminta penjelasan daripada rakannya. Hal ini demikian kerana jarak sosial antara pelajar dengan guru berbeza dengan jarak sosial antara pelajar dengan rakan. Pelajar lebih selesa meminta penjelasan daripada rakan-rakan. Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2016) menegaskan bahawa strategi rayuan kerjasama adalah yang paling penting dalam kajian mereka.

Penggunaan strategi penghampiran oleh generasi muda sDT hanyalah pada kadar 5%. Dapatan ini berbeza daripada hasil kajian Eddine (2012) yang mendapati kebanyakan pelajar B2 menggunakan kata kerja sebagai satu strategi penghampiran untuk semua maksud kata dalam bahasa sasaran. Strategi yang sama digunakan oleh pelajar bahasa pertama (B1) dengan pendepanan kata kerja dalam ujaran spontan.

Strategi pembelajaran bahasa sasaran merujuk kepada percubaan sedar dalam kalangan generasi muda sDT untuk menguasai BM standard. Satu contoh strategi pembelajaran bahasa sasaran ialah pelajar mengecam dan mengingati perbendaharaan kata dengan menghafal dialog daripada buku teks. Guru-guru mata pelajaran BM di lokasi penyelidikan telah menyarankan beberapa strategi pembelajaran bahasa sasaran berikut bagi meleraikan pemfosilan:


1. Mengambil sikap yang betul terhadap kesilapan pelajar,
2. Merangsang motivasi pelajar untuk belajar BM standard, dan
3. Memberi maklum balas strategik.

Hasil temu bual dengan guru-guru mata pelajaran BM di lokasi kajian antara lain ada menyentuh aspek yang berhubung dengan memantau kesilapan bahasa pelajar. Dalam situasi ini, pelajar sedia untuk mencuba bahasa sasaran dengan mengambil risiko, walaupun pelajar kelihatan bodoh. Penggunaan strategi ini selaras dengan hasil kajian Cheong (2009) terhadap pelajar etnik Dusun Tingkatan 4. Mereka 'bersedia' melakukan kesilapan bahasa berbanding pelajar Tingkatan 2 yang 'mungkin bersedia' melakukan kesilapan bahasa.

Strategi merangsang motivasi pelajar untuk belajar BM standard ditemui dalam kajian Zaliza dan Zaitul Azma (2014). Mereka mendapati sikap positif yang tinggi membantu pelajar untuk menyiapkan tugas bahasa. Data kajian yang sama didapati daripada hasil kajian Saraswathy et al. (2017), iaitu motivasi intrinsik mendorong pelajar menggunakan BM semasa berkomunikasi dengan rakan-rakan sesama bangsa. Strategi memberi maklum balas strategik menggabungkan maklum balas emosi yang positif dan maklum balas kognitif yang negatif. Maklum balas emosi yang positif menggalakkan dan merangsang pelajar untuk terus belajar, manakala maklum balas kognitif yang negatif memberitahu pelajar untuk mengubahsuai penggunaan bahasa (Vigil & Oller 1976).

Contoh pemfosilan bentuk terlebih generalisasi oleh Selinker (1974) ialah seorang penutur India yang mengaitkan *drive* dengan *bicycle* dalam ayat, *I drive a bicycle*, sedangkan ayat yang betul ialah *I ride a bicycle*. Penggunaan terlebih generalisasi peraturan bahasa sasaran membuktikan generasi muda sDT memahami peraturan umum, tetapi tidak mengetahui pengecualian yang ada pada peraturan bahasa sasaran. Generasi muda sDT menggunakan penanda masa lampau "telah menjadi" untuk kata kerja BM, misalnya ayat "Dia telah menjadi guru". Ayat betul ialah "Dia bekerja sebagai guru." Kesilapan terlebih generalisasi menunjukkan bahawa mereka memahami peraturan BM, dalam pada itu menunjukkan apa yang belum dipelajari. Ringkasnya, terlebih generalisasi ialah penggunaan peraturan linguistik

yang lazimnya tiada dalam bahasa kedua. Terdapat juga terlebih generalisasi (atau TG) yang melibatkan pemindahan makna daripada bahasa ibunda (Noor Aina & Patarai 2010).




Rajah 1: Bentuk Terlebih Generalisasi dalam Bahasa Antara Generasi Muda sDT

Rajah 1 menunjukkan bentuk TG dalam penulisan karangan BM generasi muda sDT. Sebanyak 17 TG, 14 TG, 12 TG, dan 11 TG yang masing-masing telah digunakan oleh seorang pelajar bersamaan 1.4% daripada jumlah peserta kajian. Kadar peratus tertinggi penggunaan 2 TG dalam karangan adalah sebanyak 17.4% oleh 12 pelajar. Sebanyak 11 pelajar (16%) menggunakan 1 TG dalam karangan. Data Rajah 1 memberi maklumat bahawa semua generasi muda sDT dalam penyelidikan ini ada menggunakan sekurang-kurangnya 1 TG dalam penulisan karangan BM.

Rajah 1 memperlihatkan pemfosilan dalam bentuk penara (*plateau*) bahasa antara pada 1 frekuensi (1.4% pelajar), 2 frekuensi (3% pelajar), 7 frekuensi (10% pelajar), dan 8 frekuensi (12% pelajar). Konsep penara bahasa antara pernah diketengahkan oleh penulis seperti Endang (2011). Menurutnya, kesilapan berterusan dalam tatabahasa BA adalah sekadar penara sementara. Bentuk TG dalam penyelidikan ini menyokong pernyataan Fatin Rabiha dan Zaitul Azma (2017: 13), bahawa TG berlaku dalam aspek imbuhan kata nama bahasa Melayu oleh pelajar bukan Melayu kerana mereka membuat kesimpulan umum tentang peraturan B2 lalu berlaku kesilapan dalam penggunaan B2. Selain itu, Noor Aina dan Patarai (2010: 57) mentakrif TG sebagai “penggunaan peraturan linguistik yang tidak lazim dalam bahasa sasaran.” Mereka mendapati sebanyak 44% TG dalam penulisan karangan BM pelajar suku Dusun Tambunan di Sabah. Pelajar menulis ayat dalam BM tetapi maksud ayat tidak seperti yang ada pada BM.

Pemudahan ialah salah satu contoh strategi pembelajaran B2. “Pelajar tahu sebutan salah tetapi sedar akan lebih difahami oleh penutur asli B2” (Selinker 1974: 40). Rajah 2 memaparkan frekuensi bentuk kemudahan dalam penulisan karangan BM generasi muda sDT. Kemudahan yang paling kerap adalah sebanyak 5 dalam 3 buah karangan (4% pelajar). Sebanyak 4 kemudahan dikesan dalam 6 buah karangan (9% pelajar) dan 3 kemudahan dalam 8 buah karangan (12% pelajar). Hanya 2 kemudahan ditemui dalam 22 buah karangan (32% pelajar), manakala 1 kemudahan ditemui dalam 23 buah karangan (33% pelajar). Penulis tidak menemui sebarang bentuk kemudahan dalam 7 buah karangan (10.1% pelajar).




Rajah 2: Bentuk Pemudahan dalam Penulisan Karangan BM Generasi Muda sDT

Dalam proses mempelajari BM, generasi muda sDT masih menggunakan ayat dalam bentuk pemudahan yang mengabaikan subjek ayat atau kata kerja. Penemuan dalam penulisan ini antara lain menyokong hasil kajian terhadap pelajar kaum Dusun Papar di Sabah. “Pemudahan terjadi kerana pelajar meninggalkan sebahagian daripada subjek ayat dan cenderung mengabaikan kata kerja bantu” (Noor Aina 1999: 52).

Balik asal (*backsliding*) ialah kesilapan B2 yang telah dihapuskan, kemudian muncul kembali, terutamanya apabila penutur memberi tumpuan kepada perkara baharu yang sukar atau “penutur dalam keadaan kebimbangan, kegembiraan atau kadang kala ketika dalam keadaan terlebih relaks” (Selinker 1974: 36). Sungguhpun bentuk balik asal paling sedikit dalam penulisan karangan BM generasi muda sDT, Han (2004) mengkategorikan bentuk balik asal sebagai tanda potensi manifestasi pemfosilan kerana sifat kemunculan semula ciri bahasa antara dari masa ke masa yang dianggap telah pun dihapuskan. Misalnya, kesilapan ejaan bagi kata nama /kampung/ dalam penyelidikan ini menyokong fakta dalam kajian Han (2004) tentang kes 2 penstabilan dalam pemfosilan. Menurutnya, kes 2 merupakan penyusunan semula ciri luaran pengetahuan BA yang stabil. Keluk pembelajaran bentuk U berikut menunjukkan penggunaan kata nama /kampung/ berdasarkan kes 2.

U terbentuk kerana pembelajaran boleh menurun, kemudian stabil sementara waktu sebelum meningkat semula. Kes penstabilan kata nama /kampung/ tidak dikaitkan dengan penamatan, malahan lebih ke arah kemajuan, menandakan penstrukturan semula pengetahuan sedia ada kata nama /kampung/ oleh generasi muda sDT. Keluk berbentuk U biasa berlaku dalam pembelajaran B2.



Faktor Penyebab Pemfosilan

Faktor penyebab pemfosilan dalam penulisan karangan BM generasi muda sDT dikira dengan menggunakan Taksonomi Han (2003). Meskipun tiada kesepakatan tentang punca sebenar pemfosilan, secara umum, “faktor penyebabnya termasuk dalam kategori persekitaran, kognitif, neurobiologi, dan sosio-afektif” (Han 2003: 104). Faktor tertinggi sebab-musabab pemfosilan pada Jadual 3 ialah kognitif, iaitu pemikiran remaja dipengaruhi pemerolehan bahasa pertama (bahasa Dusun). Keputusan ini menyokong dapatan kajian Eddine (2012: 277) tentang pemfosilan dalam bahasa antara bahawa “perbezaan pemetaan unsur leksikal dan sintaksis ke dalam domain bahasa mempengaruhi pemikiran penutur B2.”

Jadual 3: Faktor Penyebab Pemfosilan dalam Penulisan Karangan BM Generasi sDT

Faktor Penyebab Pemfosilan	Respons	%
1. Persekitaran, iaitu pelajar etnik Dusun kurang mendapat input bahasa Melayu.	48	70
2. Kognitif, iaitu pemikiran pelajar dipengaruhi pemerolehan bahasa pertama (bahasa Dusun).	62	90
3. Kognitif, iaitu pelajar kurang memberi perhatian terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu di dalam dan di luar sekolah.	28	41
4. Psikologi, iaitu pelajar mengelak daripada menggunakan perkataan susah dan ayat dalam bahasa Melayu yang rumit.	35	51
Psikologi, iaitu pelajar menggunakan ayat-ayat dalam bahasa Melayu yang mudah.	28	41
5. Neurobiologi, iaitu tugas karangan tidak sesuai dengan kebolehan bahasa mengikut umur pelajar.	7	10
Neurobiologi, iaitu pelajar kurang berbakat dalam penulisan karangan bahasa Melayu.	41	59
6. Sosio-afektif, iaitu pelajar kurang didedahkan kepada kebudayaan bahasa Melayu.	21	30


Dalam psikologi, generasi muda sDT seolah-olah mempunyai kecenderungan untuk menolak input linguistik. Kata-kata baharu, pola dan penggunaan tidak lagi merangsang pembelajaran

bahasa sasaran. Oleh itu, mengingat data bahasa baharu menjadi beban yang besar kepada pelajar. Apa yang telah dipelajari dalam bilik darjah tidak diserap ke dalam memori jangka panjang, lagipun pelajar tidak dapat menerapkan pengetahuan bahasa untuk meningkatkan prestasi secara automatik (Tulving 1972). Walaupun pelajar telah melakukan banyak latihan pola dan membaca berulang kali dialog dalam buku teks, pelajar masih tidak berupaya menggunakan pola dengan spontan. Pengetahuan bahasa pelajar setakat memantau ujaran, bukannya menghasilkan output kreatif. “Sebahagian besar pengetahuan bahasa kekal pada tahap sadar. Kognitif yang tidak dapat diubah membentuk keupayaan komunikatif bawah sadar” (Yi 2002: 142). Faktor kedua ialah persekitaran. Generasi muda sDT kurang mendapat input bahasa Melayu. Dapatan kajian ini menyokong pernyataan Adista dan Dewa (2017: 39) tentang “perbezaan budaya, lingkungan pembelajaran, dan kebiasaan menggunakan bentuk tidak formal dalam percakapan.” Pemfosilan merupakan fenomena bahasa antara yang unik, ketahanan kekal terhadap pengaruh persekitaran, menyebabkan kegagalan untuk maju dalam bahasa sasaran. Namun begitu, pemfosilan merupakan motivasi awal bagi meneroka bidang yang dikenali sebagai pemerolehan B2 (Han 2013: 133).

Kontinum Bahasa Antara Berasaskan Pengetahuan B1 Dan B2

Generasi Muda Suku Dusun Tindal

Rajah 3 menunjukkan terdapat 2 generasi muda sDT yang mencapai tahap penulisan karangan BM 100% seperti penutur asli bahasa Melayu. Kebanyakan skor pencapaian penulisan karangan BM pada tahap akrolek antara markah 81-97. Pada tahap akrolek, generasi muda sDT dapat menghasilkan struktur bahasa yang betul tetapi tidak mapan. Mereka dapat menghayati peraturan BM, kadang-kadang melakukan kesalahan bahasa. Sewaktu diminta membuat pembetulan, sedikit sebanyak mereka dapat menerangkan peraturan tatabahasa BM. Seterusnya, sebanyak 10 atau 14% daripada generasi muda sDT berada pada tahap mesolek (tahap sederhana) yang membentuk penara pembelajaran dalam Rajah 3. Basilek ialah tahap asas dalam pembelajaran B2.




Rajah 3: Tahap Bahasa Antara dalam Karangan BM Generasi Muda sDT

Penara pembelajaran ialah istilah psikologi pendidikan yang menerangkan fenomena dalam proses mempelajari kemahiran baharu, "walaupun pelajar berusaha dan berlatih, tiada kemajuan yang ketara" (Collins & Downes 1973: 157). Pada keluk pembelajaran, "kemajuan yang besar datang dengan cepat; kemudian kadar kemajuan menjadi perlahan sehingga hampir tiada langsung" (Rowntree 1981: 153). Penara pembelajaran bahasa sasaran dapat dilihat dalam tingkah laku dan psikologi pelajar. Dalam tingkah laku, generasi muda tidak bertindak balas aktif seperti biasa kepada arahan guru. "Pelajar tidak dapat mengingat perkataan baharu, lambat menyerahkan buku kerja, keberatan untuk menyertai aktiviti mendengar-bertutur" (Yi 2002: 141). Tekanan pembelajaran berubah menjadi aktiviti membaca dan menulis secara individu.

Selinker (1996: 127) mengelaskan pemfosilan kepada "sementara dan kekal." Penulis mendapati bahawa kontinum tahap bahasa antara dalam penulisan karangan BM peserta kajian menunjukkan pemfosilan sementara. Dalam hal ini, Sims (1989: 128) menghubungkan pemfosilan sementara dengan "perkembangan ciri bahasa sasaran yang tersekat/terbantut untuk jangka masa yang pendek." Kebanyakan generasi muda sDT berada pada tahap akrolek seperti garis yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Selain itu, penulis mengesan adanya garis penara yang mendatar dari skor 83 ke skor 86. Selinker menamakan garis penara seperti ini "pemfosilan sementara, juga dikenali sebagai penstabilan, menunjukkan fosil bahasa antara membentuk pembelajaran yang mendatar" (Selinker 1996: 127).

Bahasa antara merupakan kontinum antara bahasa pertama dan bahasa sasaran serta satu sistem unik yang bebas daripada bahasa pertama dan bahasa sasaran. Bahasa antara berkongsi beberapa peraturan bahasa ibunda generasi muda sDT dengan bahasa sasaran (BM). Dengan cara ini, dua bahasa berkongsi beberapa peraturan tatabahasa. Salah satu premis utama berdasarkan pandangan Corder (1981: 14) ialah "apa-apa ujaran spontan oleh penutur untuk tujuan komunikasi tetap bermakna dan sistematik sebagai satu set tatabahasa." Kontinum ialah struktur yang berterusan dalam setiap peringkat pembelajaran B2. Dalam struktur BA, proses pembelajaran B2 adalah beransur-ansur. Generasi muda sDT berterusan mengubah BA masing-masing sehinggalah sistem bahasa sasaran terbentuk sepenuhnya. Proses ini dipanggil 'Kontinum Bahasa Antara'. Rajah 4 yang berikut menggambarkan kontinum bahasa antara generasi muda sDT berdasarkan pengetahuan kosa kata dan ayat bahasa Melayu standard generasi muda sDT.



Rajah 4. Kontinum BA Pengetahuan Kosa Kata dan Ayat Generasi Muda sDT

Salah satu penggunaan bahasa antara yang diketengahkan oleh Gang Dong (2013: 42) ialah strategi pembelajaran yang merujuk kepada percubaan sadar remaja untuk menguasai bahasa sasaran. Dalam kes generasi muda sDT, penulis mengecam peratus tertinggi pengetahuan kosa

kata (53.7%) dan ayat (52.2%) yang betul dalam bahasa antara, iaitu bahasa ibunda (bahasa Dusun Tindal) dan bahasa sasaran (bahasa Melayu standard). Tindakan mengecam peratus tertinggi penggunaan yang betul kedua-dua bahasa tersebut menentukan kontinum bahasa antara kumpulan kajian. Dapatan kajian ini menyokong Taksonomi Han (2003) tentang persekitaran dan kognitif sebagai faktor penyebab pemfosilan. Generasi muda sDT kurang mendapat input bahasa Melayu standard dan pemikiran mereka dipengaruhi pemerolehan B1 (bahasa Dusun Tindal).

Pengetahuan kosa kata B1 (bahasa Dusun Tindal) dalam kalangan peserta kajian dikenal pasti dengan menggunakan Inventori Terjemahan Versi kosa Kata Bahasa Melayu dan Bahasa Dusun Tindal. Idea inventori diadaptasi daripada kajian Al-Musawi (2014) yang menggunakan versi bahasa Arab dalam pembelajaran bahasa Inggeris mahasiswa sarjana muda di Bahrain. Terjemahan lazimnya bergantung pada konsep makna sebagai aktiviti kognitif untuk mengungkapkan kata, frasa dan ayat ke dalam bahasa sasaran. Semasa aktiviti kognitif ini, mahasiswa menganalisis dan memproses struktur bahasa ibunda dan bahasa sasaran. Menurut Al-Musawi (2014: 1), terjemahan ialah satu aktiviti yang bertujuan untuk memudahkan proses komunikasi dengan menafsirkan maklumat yang diterima dalam satu bahasa (B1) ke dalam bahasa lain (B2), dan sebaliknya. Fungsi asas terjemahan adalah untuk menyampaikan makna perkataan atau ayat yang sesuai secara linguistik, semantik, dan pragmatik. Sekiranya proses kompleks ini dilakukan pada tahap profesional, maka dapatlah dikatakan bahawa terjemahan telah mencapai tujuan utamanya. Hasil kajian ini sejajar dengan kajian Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2016) yang mendapati sebanyak 79.5% mahasiswa menggunakan strategi menterjemahkan apa-apa yang didengar semasa proses pembelajaran B1. Mereka bertindak menterjemahkan apa yang didengari kepada bahasa sendiri untuk memudahkan pembelajaran B2.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan ayat B1 dalam kalangan generasi muda sDT turut dipengaruhi persekitaran dan kognitif. Mereka masih melakukan kesilapan semasa melaksanakan tugas. Frasa nama (FN) dalam subjek ayat BM bertukar kedudukan menjadi objek penyambut dalam ayat bahasa Dusun. Objek penyambut dalam ayat BM pula menjadi objek penyambut yang pertama dalam ayat Dusun. Hal ini disebabkan oleh pengaruh B1 dalam proses pembelajaran B2. Dapatan kajian ini memberi gambaran bahawa generasi muda sDT menggunakan strategi penterjemahan untuk menjelaskan perbezaan dan persamaan antara bahasa sasaran dengan bahasa ibunda.

Perbincangan

Pemfosilan dalam bahasa antara telah menjadi objek penulisan sejak 1970-an. Selinker (1974: 36) berpendapat bahawa majoriti pelajar B2 tidak berupaya untuk mengakhiri kontinum bahasa antara. Pada akhirnya, pelajar B2 tidak mencapai kompetensi seperti penutur asli bahasa sasaran. Pelajar memfosilkan satu set item, peraturan, dan subsistem linguistik atau jumlah penerangan dan pengajaran B2 yang telah diterima. Keadaan ini boleh jadi positif atau negatif. Dengan kata lain, kedua-dua bentuk bahasa, sama ada B1 atau bahasa sasaran boleh memfosil, dan ini merupakan bukti prestasi pelajar yang cenderung fokus pada bentuk, bukan makna bahasa. Menurut Selinker lagi, apabila cemas, teruja atau sangat santai, pelajar membuat kesilapan “balik asal” (*backsliding*). Selinker menetapkan kejayaan dalam kalangan pelajar B2 pada kadar 5%, manakala 95% pelajar B2 tidak berjaya melepasi kontinum bahasa antara.

Selinker mengutamakan lima proses pembelajaran B2 yang boleh memicu pemfosilan. “Pemindahan bahasa” merupakan punca kesilapan yang dipengaruhi B1. B1 dan B2 berkongsi

satu makna tetapi pelajar B2 menyatakan makna itu dengan cara yang berbeza. Oleh sebab itu, ralat timbul dalam B2 kerana pelajar “memindahkan peranti pencapaian bahasa pertama ke dalam bahasa kedua” (Ellis 1985: 22). "Pemindahan latihan" berlaku apabila kesilapan berpunca daripada pengajaran yang diperoleh pelajar B2. Bagi menggambarkan keadaan ini, Selinker (1974: 39) menerangkan susah payah penutur Serbia-Croatia membezakan kata ganti bahasa Inggeris 'he' dan 'she' walaupun perbezaan yang sama ada dalam bahasa mereka sendiri. “Sumber masalah tersebut adalah daripada buku teks atau guru yang lebih kerap menggunakan kata ganti 'he' berbandingan 'she' dalam aktiviti bilik darjah.” Proses pemfosilan lain ialah "strategi pembelajaran B2", apabila pembelajaran dihasilkan daripada pendekatan bahan yang akan dipelajari yang dapat dikenal pasti oleh pelajar; "Strategi komunikasi B2", apabila terdapat pendekatan untuk berkomunikasi dengan penutur asli bahasa sasaran yang dapat dikenal pasti oleh pelajar; dan “terlebih generalisasi” peraturan serta ciri semantik bahasa sasaran.

Pemfosilan Atau Penstabilan

Pemfosilan seperti bersinonim dengan penstabilan. Seperti yang dilaporkan oleh Richards (2008: 1), beberapa remaja mengalami penara pembelajaran apabila mereka berusaha untuk melangkaui tahap pencapaian rendah-pertengahan. Dalam erti kata lain, mereka “berasa terperangkap” kerana kemajuan bahasa yang mereka capai tidak begitu luar biasa seperti ketika mereka bermula dahulu. Malahan, kajian Yi (2002) terhadap remaja Cina jurusan Bahasa Inggeris menunjukkan bahawa leksikon remaja meningkat sekitar 1500 perkataan setiap tahun sehingga mereka di akhir tahun dua sesi akademik mereka dan jumlah leksikon berkurangan kepada 250 perkataan.

Penstabilan mencetuskan hipotesis lain kerana kini boleh dianggap sebagai terlebih pemudahan (*oversimplification*). Jika BA sememangnya “dinamik”, BA mungkin sentiasa ada kemajuan. Oleh itu, tempoh 2 hingga 5 tahun yang dianggap sebagai fosil bagi seseorang remaja adalah tidak mencukupi. Pendekatan yang lebih realistik adalah untuk mempertimbangkan tanggapan mengenai penara pembelajaran, dan bukannya mencadangkan bahawa terdapat “keadaan akhir”. Hal ini bermakna remaja mengalami kemajuan yang lebih perlahan selepas mencapai tahap kemahiran tertentu. Di samping itu, penstabilan telah dibuktikan secara meluas dan tidak menimbulkan sebarang masalah berkaitan dengan tempoh waktu tertentu.

Bahasa Antara

Kemunculan Teori Bahasa Antara (BA) membawa perubahan dalam perspektif pembelajaran B2 daripada pendekatan behavioris kepada mentalis. Pernyataan ini dikemukakan berdasarkan Tarone (2001) bahawa BA meminjam prinsip asas teori mentalis kerana semasa proses belajar B2, pelajar membuat hipotesis tentang peraturan bahasa sasaran. Peraturan ini dilihat sebagai tatabahasa mental yang menimbulkan sistem BA yang terdedah pada pengaruh dalaman atau luaran proses pemerolehan bahasa. Dalam kes ini, dapat disimpulkan bahawa prestasi bahasa generasi muda sDT berubah-ubah dari semasa ke semasa kerana terdapat kecenderungan memadam, menambah dan membina semula peraturan bahasa.

Bahasa antara memainkan peranan dalam setiap peringkat pembelajaran B2 melalui proses yang beransur-ansur. Generasi muda sDT berterusan mengubah BA sendiri sehingga ke tahap bahasa sasaran yang mampu dicapai. Proses ini dipanggil 'Kontinum Bahasa Antara' seperti pada Rajah 4. Hipotesis utama teori Bahasa Antara ialah apabila seorang pelajar bahasa asing atau B2 cuba untuk berkomunikasi dalam bahasa sasaran, pelajar menggunakan sistem linguistik baharu yang berbeza daripada bahasa asli dan bahasa sasaran. Bahasa Antara boleh

menjadi "sistem linguistik yang berasingan berdasarkan output daripada percubaan pelajar menghasilkan norma bahasa sasaran" (Selinker 1974: 35).


Selinker teguh berpendapat bahawa setiap kali pelajar B2 / bahasa asing cuba membuat ayat, pelajar mengaktifkan struktur psikologi terpendam, yang ditakrifkan sebagai 'aturan yang sudah dirumuskan dalam otak'. Selinker (1972: 214) mengemukakan tiga set ujaran yang dihubungkan secara psikologi dengan data pembelajaran B2 untuk struktur permukaan BA, iaitu:

1. Ujaran dalam bahasa ibunda yang dihasilkan oleh pelajar.
2. Ujaran bahasa antara yang dihasilkan oleh pelajar.
3. Ujaran bahasa sasaran/bahasa asing yang dihasilkan oleh penutur bahasa asli sesuatu bahasa sasaran.

tiga set ujaran tersebut mendedahkan proses psikolinguistik yang memicu pengetahuan bahasa pelajar dalam BA.

Implikasi

Hakikat generasi muda sDT berhenti maju ke arah bahasa sasaran dalam kontinum BA adalah berkaitan dengan tujuan mempelajari bahasa Melayu standard. Apabila tatabahasa BA mencapai tahap perluasan yang membolehkan pelajar berkomunikasi dengan penutur asli BM, motif untuk meningkatkan pengetahuan seterusnya menghilang. Dengan cara ini, pelajar A dengan keperluan berkomunikasi dan bersosial yang terhad menghentikan kontinum BA lebih awal daripada pelajar B yang lebih banyak keperluan komunikatif dan sosial. Perbezaan antara kedua-dua pelajar A dan B ditunjukkan secara grafik seperti berikut:



Selain keperluan komunikatif dan sosial, faktor ciri peribadi dan yang seumpamanya memainkan peranan penting dalam pemfosilan bahasa.

Ciri Peribadi

Penulis boleh membezakan ciri peribadi yang mempengaruhi pemfosilan melalui cara berfikir. Dari sudut pandang kognitif, penulis boleh membezakan antara pelajar yang bergantung kepada bidang dengan pelajar yang bebas bidang. Pelajar yang bergantung kepada bidang lebih cenderung situasi interpersonal, ingin ada hubungan dengan orang lain, dan terlibat dalam interaksi lisan. Ciri peribadi demikian mewujudkan peluang mendapat manfaat pendedahan bahasa. Pelajar bebas bidang pula lebih memiliki keupayaan analitis dan penstrukturan semula kognitif. Pelajar bebas bidang kurang dipengaruhi pemfosilan dan menunjukkan kemampuan yang lebih baik untuk menyusun semula kontinum BA.

Akulturasasi

Dari perspektif akulturasasi, pemfosilan dianggap berlaku secara semula jadi dalam pemerolehan B2 disebabkan gabungan faktor sosial dan psikologi. Akulturasasi ditentukan oleh jarak sosial dan psikologi antara pelajar dengan budaya bahasa sasaran. Jarak sosial berkaitan dengan individu sebagai ahli kumpulan sosial yang berhubung dengan anggota kumpulan sosial yang berbeza bahasa. Faktor seperti dominasi dibandingkan dengan subordinasi atau sikap adalah sangat

penting. Sebaliknya, jarak psikologi ialah hasil daripada pelbagai faktor afektif yang melibatkan pelajar sebagai individu, seperti kebolehtelapan ego atau integratif berbanding dengan motivasi instrumental. Pelajar yang tidak berakulturasi berpotensi untuk melakukan pemfosilan dalam bahasa sasaran.

Motivasi

Orientasi motivasi adalah sebagai asas bagi kecenderungan pemfosilan. Motivasi instrumental berdasarkan kelebihan yang dapat diperolehi jika bahasa diketahui dan motivasi integratif berkaitan dengan keinginan untuk memahami budaya bahasa asing dan mengambil bahagian di dalamnya. Pelajar yang memilih orientasi integratif lebih tahan terhadap pemfosilan. Berhubung motivasi, sama ada motivasi instrumental atau integratif adalah bergantung pada cara pelajar mendekati penutur bahasa sasaran. Pelajar yang mengasingkan diri daripada penutur B2 lebih cenderung untuk melakukan pemfosilan.

Pemfosilan Berterusan Dan Penghapusan

Kesilapan daripada bahasa ibunda lebih cenderung memfosil (Selinker 1972). Bagi kebanyakan pelajar B2, ketekalan kesilapan memfosil tidak dapat dihapuskan dengan sepenuhnya. Penulis berpendapat terdapat beberapa bentuk bahasa memfosil yang sukar dihapuskan. Selain itu, ada bentuk fosil berterusan adalah berdasarkan hipotesis Selinker mengenai kemunculan semula struktur linguistik fosil yang dianggap telah dibasmi. Selinker iaitu merujuk kepada fenomena ini sebagai 'balik asal' (*backsliding*).

Dalam pengajaran bahasa sasaran/B2, adalah perlu untuk mempertimbangkan sama ada pemfosilan boleh diramalkan. Sebagai contoh, dalam bidang analisis kesilapan, jika dapat dibuktikan jenis ralat tertentu dalam penulisan berlaku berulang, maka waktu dan usaha yang dicurahkan pembetulan lebih bermanfaat untuk pembelajaran bahan baharu. Sebagai pertimbangan akhir, penulis mengemukakan fakta berikut mengenai pemfosilan.

1. Pemfosilan sangat berkaitan dengan idea dan tujuan belajar bahasa kedua atau bahasa sasaran.
2. Pemfosilan ditentukan berdasarkan ciri peribadi remaja, iaitu cara berfikir, mengambil risiko, faktor psiko-sosial seperti jarak psikologi, sosial dan motivasi antara bahasa pertama dan bahasa sasaran.

Cadangan

Dalam proses belajar mata pelajaran BM sebagai B2, generasi muda sDT menghadapi masalah bahasa dan ini adalah perkara biasa. Fenomena bahasa yang wujud dalam bentuk BA untuk masa yang lama dan sukar boleh memfosil. Selinker berpendapat pemfosilan ialah mekanisme mental yang tidak dapat dipertikaikan dalam mana-mana fasa pembelajaran bahasa asing. Terdapat tiga cadangan untuk mengurangkan pemfosilan dalam pembelajaran B2.

Mengamalkan Strategi Pembelajaran Yang Betul

Banyak penulisan yang berdasarkan andaian bahawa terdapat strategi pembelajaran yang 'baik'. Walaupun konsep ini dipersoalkan, terdapat peserta kajian yang berjaya setelah menggunakan strategi yang baik. Pengalaman pembelajaran menggunakan strategi yang baik adalah sangat bernilai untuk diaplikasikan oleh peserta. Pertama, peserta yang berjaya kelihatan lebih kerap menggunakan strategi yang berbeza daripada peserta yang kurang berjaya. Sebagai contoh, strategi ingatan seakan-akan kamus yang digunakan dalam ujian perbendaharaan kata. Kedua, pembelajaran bahasa yang berjaya melibatkan tumpuan pada bentuk dan makna. Peserta bahasa yang baik kelihatan dapat menukar tumpuan perhatian

mereka pada bentuk dan makna semasa mereka melaksanakan tugas. Mereka cenderung membandingkan silang bahasa, menganalisis bahasa sasaran dan menggunakan buku rujukan. Ketiga, pelbagai strategi pembelajaran menyumbang kepada aspek kecekapan B2 yang berbeza. Strategi yang melibatkan latihan secara formal menyumbang kepada kecekapan linguistik. Strategi yang melibatkan latihan fungsian membantu perkembangan kecekapan komunikatif. Pembelajaran B2 perlu menggunakan kedua-dua strategi secara fleksibel untuk melaksanakan tugas tertentu.

Mengurangkan Pemindahan Negatif Bahasa Ibunda

Pada permulaan pembelajaran, pengetahuan peserta kajian tentang BM adalah tidak mencukupi. Bahasa ibunda boleh mempengaruhi pembelajaran BM. Penulis mencadangkan agar guru tidak mengharap pelajar dapat menggunakan BM dengan betul pada peringkat awal sehinggalah input kecekapan lisan pelajar mencukupi tanpa perlu bergantung pada bahasa ibunda untuk membentuk sistem BM. Jika tidak, beberapa ungkapan yang tidak sesuai dengan BM cenderung memfosil. Hanya melalui input bahasa yang banyak, pemindahan negatif bahasa ibunda menjadi kurang. Menyediakan input bahasa yang mencukupi ialah kaedah yang berkesan untuk mengatasi pemindahan negatif bahasa ibunda. Guru perlu menggalakkan pelajar menyediakan nota pemfosilan dan menyimpan rekod kesilapan bahasa sebagai sebahagian daripada portfolio pembelajaran BM.

Pendedahan Budaya Bahasa Sasaran

Penyelidik mencadangkan pendedahan semula jadi kepada bahasa sasaran untuk merangsang pembelajaran B2 yang membantu mengatasi pemfosilan. Satu cara untuk mendedahkan pelajar kepada bahasa sasaran secara semula jadi adalah dengan membenarkan pelajar B2 tinggal beberapa lama dalam persekitaran masyarakat bahasa sasaran. Sekiranya sukar, pelajar B2 perlu mencari pendedahan budaya bahasa sasaran dengan cara lain. Menyediakan input yang mencukupi dari awal pembelajaran B2 merupakan cara yang betul untuk mengurangkan pemfosilan. Pertama, instrumen multimedia amat disyorkan kerana bukan sahaja mengandungi sebutan standard, tetapi juga mencerminkan budaya bahasa sasaran. Kedua, buku teks dengan petikan asli digunakan kerana cara pemikiran dan ungkapan bahasa sasaran dapat membantu pelajar memahami bahasa sasaran.

Kesimpulan

Penyelidik membuat kesimpulan bahawa perkembangan bahasa antara peserta kajian generasi muda sDT masih berterusan. Terdapat mereka yang kompeten dalam aspek BM tertentu tetapi menunjukkan kekurangan dalam aspek lain. Misalnya, tidak terdapat bentuk Terlebih Generalisasi dalam karangan tetapi masih terbelenggu pada Pemudahan. Perbandingan antara penutur B1 BM yang ideal dan pengguna BM sebagai B2 memperlihatkan pengetahuan generasi muda sDT sebagai belum lengkap. Oleh sebab itu, pemfosilan tidak dapat dielakkan.

Hasil kajian menunjukkan pembelajaran BM dalam kalangan generasi muda SDT adalah pada kemahiran mesolek atau akrolek, bahkan terdapat dua peserta kajian telah mencapai kemahiran yang setara dengan penutur asli BM. Kejadian penara, iaitu kemampuan pembelajaran pelajar yang awalnya meningkat tetapi pada peringkat tertentu, kemampuan pembelajaran statik adalah biasa. Keluk prestasi BM menunjukkan garisan mendatar, bahkan ada yang menurun. Fenomena penara ini boleh ditemui dalam skor pencapaian karangan BM generasi muda sDT.

Teori Bahasa Antara (Selinker 1972: 1974) sesuai untuk bidang pembelajaran B2 kerana pendekatannya mengutamakan percubaan pertama pelajar B2 untuk mengawal pembelajaran

B2 secara sadar. teori Bahasa Antara (BA) mempunyai beberapa kepentingan. Pertama, teori BA melihat pelajar B2 sebagai peserta aktif yang berupaya untuk membentuk peraturan daripada tugas bahasa yang mereka perlu selesaikan. Dapatlah dikatakan bahawa BA bersifat universal dan sistematik, selaras dengan teori Kesejadian (*Innateness*). Kedua, teori BA membantu guru menentukan apa yang diketahui oleh pelajar B2 pada suatu masa tertentu dan apa yang harus diajar. Ketiga, teori BA membantu dalam memahami masalah pelajar B2 dengan lebih baik dan memberikan bantuan yang tepat pada masanya kepada pelajar. Oleh itu, pelajar boleh mencapai kecekapan dalam bahasa sasaran. Keempat, teori BA membawa perubahan signifikan dalam metodologi pengajaran mengemukakan fakta bahawa kesilapan adalah sebahagian daripada proses pembelajaran, dengan demikian mengurangkan keperluan pengawasan yang berterusan oleh guru.

Rujukan

- Adista, N. P. & Dewa, P. W. (2017). Tindak Tutur Meminta oleh Pembelajar BIPA Dari Korea: Kajian Pragmatik Bahasa Antara. *Jurnal Penelitian Humaniora*, 18(1), 27-40.
- Al-Musawi, N. M. (2014). Strategic use of translation in learning English as a Foreign Language (EFL) among Bahrain university students. *Comprehensive Psychology*, 3(4), 2-10.
- Andrea, F. S. (2018). Challenging Fossilization: The Role of Motivation in Second Language Acquisition. BA dissertation. University of Autonomia de Barcelona, Spain.
- Aras, A. A. (2017). Linguistic Analysis of the Phenomenon of Language Transfer. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science*, 22 (4), 32-35.
- Brenzinger, M., Dwyer, M.A., de Graaf, T., Grinevald, C., Krauss, M., & Miyaoka, O. (2003). *Language Vitality and Endangerment*. UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages, Paris.
- Cheong, S. M. (2009). Realiti Perubahan Bahasa dalam Kelompok Sosial Pelajar KadazanDusun di Sabah. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.
- Chong Shin, Hendrikus, M., & Collins, T. J. (2018). Pemilihan Bahasa Komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(4), 61-80.
- Collins, K. T. & Downes, L. W. (1973). *Key words in education*. USA: Longman.
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Eddine, A. N. (2012). *Interlanguage prepositions: an analysis of French learners' productions in L2 English*. Ph. D Thesis. Université de Grenoble, France.
- Ellis, R. (1985). *Understanding Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Fatin Rabiha, A. K. & Zaitul Azma, Z. H. (2017). Bahasa Antara dalam Komunikasi Lisan Penutur Melayu dan Penutur Bukan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7, 1-16.
- Gang Dong. (2013). On the Nature of Interlanguage. *Research on Humanities and Social Sciences*, 3(18), 42-44.
- Han, Z-H. (2003). Fossilization: From Simplicity to Complexity. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 6(2), 95-128.
- Han, Z-H. (2004). Fossilization: Five central issues. *International Journal of Applied Linguistics*, 14(2): 212-242.
- Han, Z-H. (2013). Forty years later: Updating the Fossilization Hypothesis. *Language Teaching*, 46(2), 133-171.
- Lewis, M. P. (2009). *Ethnologue: languages of the world*. 16th ed. Dallas: SIL International.
- Noor Aina, D. (1999). Bahasa Antara di Kalangan B2: Tahap dan Fosilisasi. Dalam *Monograf, Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia. 35-57.

- Noor Aina, D., & Patarai, C. (2010). Cabaran Fosilisasi dalam pemerolehan bahasa Melayu bagi pelajar B2. Dalam *Melayu dalam Cabaran*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia. 54-65.
- Noor Aina, D, Norazlina, M. K., Mohd. Ariffin, M. A., Kamarlin, O., Roslan, S., Sharil Nizam, S., & Daisy, P. (2019). Endangered Intergenerational Language Transmission: Evidence from the Indigenous Dusun Society of Sabah, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 27(1), 1-12.
- Noor Zuhidayah, M. Z., & Siti Saniah, A. B. (2016). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar di Jerman. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 10-19.
- Richards, J. C. (2008). *Moving Beyond the Plateau from Intermediate to Advanced Levels in Language Learning*. New York: Cambridge University Press.
- Rowntree, D. (1981). *A dictionary of education*. New York: Harper and Row Ltd.
- Saraswathy, P., Rohaidah, K., Paramasivam, M., Ayuni, M. B., & Husna Hidayah, M. (2017). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Sekolah Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 5(1), 45-55.
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 10(3), 209-31.
- Selinker, L. (1974). 'Interlanguage'. In Richards, J. C. (Ed.) *Error Analysis. Perspectives on Second Language Acquisition*. London: Longman (Applied Linguistics and Language Study).pp.31-54.
- Selinker, L. (1996). *Fossilization: What We Think We Know*. London: Longman Group UK Limited.
- Sims, W. R. (1989). Fossilization and learning strategies in second language acquisition. *Minne TESOL Journal*, 7, 61-72.
- Tarone, E. (1983). On the variability of Interlanguage Systems, dlm. *Applied Linguistics*, 4(2), 142-163.
- Tarone, E. (2001). Interlanguage. In R. Mesthrie (Eds.), *Concise encyclopedia of sociolinguistics* (pp. 475- 81). Oxford: Elsevier.
- Tay, M. G., & Wong, S. H. (2016). Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes. *Jurnal Penyelidikan IPGK*, 13, 53-63.
- Tulving, E. (1972). Episodic and semantic memory. In E. Tulving & W. Donaldson, *Organization of memory* (pp. 381-403). Oxford, England: Academic Press.
- Vigil, N. A. & Oller, J. W. (1976). Rule fossilization: a tentative model. *Language Learning*, 26(2), 281-95.
- Yi, F. (2002). Plateau of EFL Learning: A Psycholinguistic and Pedagogical Study. From <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.565.6275> Retrieved on 15 May 2019.
- Zaliza, M. N., & Zaitul Azma, Z. H. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415.